



TIDAK KESEORANGAN DI RANTAU ORANG: Berjauhan dengan keluarganya semasa beliau mengandung tahun lalu, Cik Farah (*kanan*) dan suaminya berkata sukarelawan rakan kongsinya banyak membantu mereka menyesuaikan diri serta menghulur bantuan di mana perlu. – Foto CARE CORNER SINGAPORE

Pelbagai program bantu warga luar rasa selesa dan diterima

KETIKA beliau ke Singapura untuk melanjutkan pelajarannya di kolej pada 2018, Cik Farah (*bukan nama sebenar*) tidak pernah terfikir bahawa beliau akan bertemu jodohnya di sini.

Bernikah dan menetap bersama suaminya, Encik Mustafa (*bukan nama sebenar*) seorang pegawai pentadbir di Singapura pada 2019, beliau mengatakan ia merupakan perubahan yang besar ketika berjauhan bersama keluarganya di Maghribi.

Mengandung buat pertama kali di tengah-tengah pandemik Covid-19 tahun lalu, Cik Farah, 30 tahun, berkongsi kepada *Berita Harian* beliau rasa kesunyian tanpa rakan dan keluarga untuk bertemu ketika beliau bermastautin di Singapura.

Namun, melalui program Persahabatan (FP) di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), beliau dapat rakan baru dan dapat rasa lebih selesa di kediaman barunya di Singapura.

Rakan itu merupakan seorang sukarelawan yang dilatih dan dipadankan dengan pasangan Bukan Pemas-

tautin untuk membantunya berintegrasi di Singapura.

Sebagai seorang ibu baru, Cik Farah berkata, rakannya itu sering menghubunginya bertanya khabar dan memastikan beliau sihat dan beliau bersedia untuk menghulur bantuan.

“Boleh kata rakan saya itu seperti kakak saya di Singapura.

“Jika saya ada sebarang masalah, beliaulah orang pertama yang saya hubungi bagi mendapatkan bantuan,” katanya yang telah menerima bantuan daripada kakitangan di Care Corner Singapura.

Setelah bersalin awal tahun ini, Cik Farah berkata beliau mengalami masalah menyusukan anak perempuannya dan mula rasa tertekan.

Namun, setelah mengongsi masalahnya dengan rakannya, Cik Farah rasa tenang dan mengatasi masalah itu.

“Apabila masalah uitu berlaku saya tidak tahu apa yang harus di lakukan.

“Sebenarnya saya agak khuatir ker-

ana sebagai warga asing di Singapura, jika saya ke hospital bilnya selalunya mahal kerana tidak menerima subsidi.

“Tetapi, rakan saya itu banyak menjelaskan proses bagaimana saya boleh menerima bantuan daripada agensi-agensi tertentu dan memberi keyakinan kepada saya bahawa semuanya akan baik-baik saja.

“Selepas itu rakan saya itu bantu membuat janji temu bersama doktor untuk saya,” kata suri rumah itu yang kini pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang Plus (LTVP).

Selain menjalani program Persahabatan, pasangan ini juga telah menyertai program-program lain yang ditawarkan oleh Care Corner Singapura.

Ini termasuk Program Persiapan Rumah Tangga (MPP), Program Sokongan Rumah Tangga (MSP) dan program belajar bahasa Inggeris.

Mengalu-alukan program-program tersebut, suaminya Encik Mustafa berkata beliau gembira mereka diberi akses kepada pelbagai sumber berlainan supaya isterinya dapat menyesuaikan diri di Singapura.

“Saya faham ketika beliau ke Singapura, ia mungkin agak sukar untuk menyesuaikan diri dengan keluarga yang berjauhan.

“Apabila beliau datang ke sini, Farah perlu mempelajari mengenai persekitaran baru, bahasa baru dan budaya di sini.

“Dengan bantuan di Care Corner, saya rasa ia telah banyak membantu isteri saya dari segi menyediakan komuniti kecil bagi golongan minoriti seperti rasa selesa dan berasa diterima,” kata Encik Mustafa, 40 tahun.

Pajak Gadai Emas Pada Harga Tinggi

✓ Nilai Tinggi ✓ Layanan Amat Baik ✓ Dipercayai sejak 1971

Jurong Pawnshop Pte Ltd
Blk 966 Jurong West St 93 #01-217
Singapore 640966 **Tel: 6791 8916**
Dibuka 9pg-6ptg (Isnin-Jumaat) & 9pg-1tghr (Sabtu)

Jurong East Pawnshop Pte Ltd
Blk 130 Jurong Gateway Road #01-221
Singapore 600130 **Tel: 6563 6966**
Dibuka 8:30pg-6:30ptg (Isnin-Jumaat) & 8:30pg-3ptg (Sabtu)

Kunjungi kami di: www.jjpawnshop.com.sg

